

Empat parti politik mahu undang PM berceramah

UM 20 JUN 2003

KUALA LUMPUR 19 Jun — Empat buah parti politik dari luar negara berhasrat mengundang Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad memberikan ceramah, pandangan dan buah fikiran selepas beliau bersara pada Oktober ini.

Ini kerana keempat-empat parti tersebut iaitu Liga Muslim Pakistan, Parti Sarikat Islam (PSI), Indonesia, Parti Persatuan Pembangunan (PPP) juga dari Indonesia dan Parti Komunis Vietnam yang menghantar wakil sebagai pemerhati dalam Perhimpunan Agung UMNO ke-54 kali ini kagum dengan kewibawaan Perdana Menteri.

Setiausaha Agung Liga Muslim Pakistan, Salim Saifullah Khan berkata, beliau akan mengundang Dr. Mahathir bagi membantu merangka pembangunan umat Islam negaranya.

“Umat Islam di Pakistan jauh ketinggalan berbanding dengan masyarakat Islam di Malaysia. Kami merasakan banyak perkara yang perlu dipelajari daripada Dr. Mahathir,” katanya di sini hari ini dalam sesi pemerhati asing bersama media di Hotel Prince and Residence di Jalan Conlay, di sini semalam.

Wakil dari Parti Sarikat Islam (PSI), Indonesia, Rizal Mahaputra Nurdin berkata, parti beliau kagum dengan kemampuan Dr. Mahathir mempertahankan kestabilan dan keamanan sepanjang pemerintahan beliau.

Tambah Rizal Mahaputra, pendirian beliau yang mengutamakan perpaduan dan kestabilan UMNO perlu dicontohi parti-parti politik lain.

Seorang lagi pemerhati dari Indonesia, Drs. H. Zarkasih Nur berkata, perbincangan, di Perhimpunan Agung UMNO yang memberi tumpuan kepada

pembangunan masyarakat Islam dalam aspek ekonomi, pendidikan, sosial serta agama memberi panduan kepada beliau memimpin parti.

Beliau yang merupakan Ketua Dewan Perwakilan Pusat, Parti Persatuan Pembangunan (PPP) Indonesia berkata, ini bukanlah kali pertama beliau menghadiri Perhimpunan Agung UMNO.

Sementara itu, wakil Parti Komunis Vietnam, Bui Quang Huy yang pertama kali hadir sebagai pemerhati berkata, beliau kagum dengan kepimpinan Dr. Mahathir yang

menjadikan Malaysia terkenal di ASEAN dan peringkat antarabangsa.